

26 MAR 1996

UMNO KEDAH YAKIN ISU MB BOLEH SELESAI

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Umno Kedah yakin kontroversi berhubung isu Menteri Besar negeri itu dapat diselesaikan melalui semangat kekeluargaan, kata Ketua Penerangannya, Datuk Badruddin Amiruldin, hari ini.

Katanya Umno Kedah berdiri teguh di belakang Presiden parti dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan semua keputusan yang dibuatnya.

"Kami patuh kepada sebarang keputusan yang dibuat Presiden Umno dalam semua hal sama ada parti atau kerajaan dan negara," katanya sebagai mengulas tindakan 22 anggota Dewan Undangan Negeri Kedah yang mengemukakan memorandum kepada Dr Mahathir supaya Tan Sri Osman Aroff dikekalkan sebagai Menteri Besar Kedah.

Dalam memorandum itu, mereka juga tidak mahu bekas Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid menggantikan Osman Aroff sebagai Menteri Besar.

Difahamkan semua anggota Parlimen dari negeri itu mengadakan pertemuan di bangunan Parlimen pagi tadi untuk membincangkan hal berkenaan.

Bagaimanapun, Badruddin enggan mengulas lanjut. -- BERNAMA.

ARA OBA.